

Kumpulan Majestic Shades Dancer juara EthDance 2023

BINTULU: Kumpulan Majestic Shades Dancer berjaya merangkul gelaran johan Festival Tarian Kreatif Etnik Borneo (EthDance) 2023 yang berlangsung di Dewan Sri Kenyalang Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Manakala, naib johan disandang oleh kumpulan Badansa Dance Troupe UPM dan tempat ketiga pula diraih kumpulan Bahari Limbai yang mewakili Kolej Sri Rajang (KSR) UPMKB.

Pada pertandingan itu, Susunan Muzik Terbaik dan Koreografer Terbaik juga disandang oleh Majestic Shades Dancer, Badansa Dance Troupe UPM dan Bahari Limbai KSR UPMKB.

Busana Terbaik pula dimenangi oleh Majestic Shades Dancer, Gerini Tari dan Tandak Remang.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Pengarah Kampus UPMKB Prof Dr Shahrul Razid Sarbini.

Difahamkan, festival tarian yang disertai lapan kumpulan tarian di Sarawak dan Semenanjung Malaysia itu merupakan anjuran bersama UPMKB, Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak dengan sokongan Majlis Seni Sarawak.